

631:

MAHATHIR-UMNO 金'金'金'

1976

KUALA LUMPUR, 5 MAC (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI BARU, DR. MAHATHIR MOHAMAD, JUGA DILANTIK SEBAGAI PEMANGKU TIMBALAN PRESIDEN UMNO.

DEMIKIAN DINYATAKAN OLEH PERDANA MENTERI, DATO HUSSEIN ONN SELAKU PEMANGKU PRESIDEN UMNO SEMASA MENJAWAB SOALAN PARA WARTAWAN SELEPAS MENGUMUMKAN SUSUNAN KABINET BARUNYA.

KATANYA, DR. MAHATHIR, SALAH SEORANG NAIB PRESIDEN AKAN MEMANGKU JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN SEHINGGA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MENGADAKAN PILIHAN AHLI MAJLIS TERTINGGI YANG AKAN DATANG.

DATO HUSSEIN DITANYA SAMADA DR. MAHATHIR SECARA OTOMATIS MENJADI TIMBALAN PRESIDEN UMNO.

DATO HUSSEIN BERKATA: +TIDAK SEMESTINYA. IA BOLEH MEMANGKU JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN SEPerti YANG TERJADI KEPADA SAYA DULU.+

BILA TUN DR. ISMAIL MENINGGAL DUNIA TAHUN 1973, DATO HUSSEIN TELAH DILANTIK SEBAGAI PEMANGKU TIMBALAN PRESIDEN UMNO OLEH ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK, SELAKU PRESIDEN PARTI WAKTU ITU.

DATO HUSSEIN MENYATAKAN, INI DIPERUNTUKKAN DALAM PERLEMBAGAAN UMNO. -- BERNAMA 1940/A!